

11 INISIATIF SSM TAHUN 2021 SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN UNTUK MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN

Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran baharu secara PERCUMA kepada:

- Usahawan Kumpulan B40
- Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Sepenuh Masa



Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S101P) yang memberikan pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan PERCUMA kepada usahawan OKU

- Terhad untuk satu (1) pendaftaran perniagaan sahaja



Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara PERCUMA sehingga 31 Disember 2021



Mengecualikan kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan sehingga 31 Disember 2021



Mengurangkan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 AS 2016 sehingga 31 Disember 2021



Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuat kuasa pada 1 April 2021



Mengiktiraf mata *Continuing Professional Education* (CPE) melalui latihan secara dalam talian



Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan



Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah APLT 2012



Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* bagi serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012



Pelanjutan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021

- Mengedarkan penyata kewangan
- Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)
- Menyerah simpan penyata kewangan
- RM100 fi permohonan lanjutan masa dikecualikan

